



Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

12-02-2018

addin

19

HARIAN METRO

Islam adalah satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah SWT. Jangan ada dalam kalangan umat Islam sendiri ragu-ragu terhadap kebenaran Islam disebabkan beberapa keadaan tidak betul dilakukan segelintir individu Muslim.

Perkara itu tidak boleh dijadikan alasan untuk meragui kebenaran Islam. Firman Allah SWT bermaksud: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselesih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah kebenarannya, (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar terhadap ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya." (Surah Ali 'Imran, ayat 19)

Ayat itu menjelaskan Islam adalah agama yang benar. Anutan selain daripadanya adalah sesat. Setiap Muslim bertanggungjawab menyebarkan keindahan Islam kepada orang lain.

Itulah tugas yang diwariskan Rasulullah SAW. Ketika hayatnya, Baginda SAW tidak pernah cuai melaksanakan tugasnya menyeru manu-

Islam sanggah kekerasan

■ Setiap Muslim bertanggungjawab sebar keindahan agama syumul

sia mengesakan Allah SWT melalui ajaran Islam.

Firman Allah SWT berkenaan tanggungjawab Rasulullah SAW maksudnya: "Engkau tidak lain hanyalah seorang rasul pemberi ingatan dan amaran. Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan (agama) yang benar, sebagai pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar) dan tidak ada sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalangannya dahulu seorang rasul pemberi ingatan dan amaran." (Surah Fatir, ayat 23-24)

Walaupun Rasulullah SAW memikul amanah besar dalam menyebarkan Islam, Baginda tidak menggunakan kekerasan sebagai cara menundukkan golongan yang tidak beriman.

Memang ada kalanya cara kekerasan digunakan seperti dalam peperangan menentang golongan kufur. Pada ketika itu, kaedah kekerasan lebih menyerlah namun itu wajar digunakan dalam menghadapi situasi peperangan.

Rasulullah SAW menggunakan pelbagai cara yang penuh diplomasi dan keluhuran budi



Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya sudah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui"

Surah Fatir, ayat 23-24

pekertinya. Bukan mudah untuk memenangi jiwa golongan yang lama menyekutukan Allah SWT dalam kehidupan mereka.

Dalam konteks dakwah Islam kepada golongan bukan Islam, kita sering kali diperdengarkan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya sudah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Baqarah, ayat 256)

Golongan ulama

membuat pelbagai tafsiran mengenai ayat itu. Ibnu Jarir at-Tabari dalam tafsirnya menyatakan, ayat itu menjelaskan tidak ada paksaan dalam memeluk agama Islam bagi orang kafir yang dikenakan jizyah dan membayarnya dan mereka reda terhadap Islam.

Ulama tafsir kontemporari, Muhamamd Ali as-Sobuni dalam tafsirnya pula menyatakan, tidak ada paksaan untuk memeluk Islam kerana jelas perbezaan antara kebenaran dan kebatilan dan hidayah dibezakan daripada kesesatan.

Memang benar Islam menolak paksaan dan kekerasan terhadap insan lain dalam usaha mengajak mereka menerima Islam. Namun, tidak bermakna umat Islam tidak perlu

menggiatkan usaha dakwah kerana itu adalah tugas Rasulullah SAW yang wajib diteruskan.

Tidak ada paksaan kepada golongan lain menerima Islam tidak bermakna kita menerima ajaran selain Islam sehingga terjebak dalam pemahaman pluralisme agama.

Berdasarkan senario semasa di negara ini, setiap umat Islam perlu sedar kesucian Islam perlu dijaga setiap individu Muslim. Jangan biarkan Islam dipandang rendah.

Memang benar tiada paksaan untuk golongan kafir masuk Islam, namun ada beberapa situasi seperti nasib agama anak yang mungkin terabai sekiranya salah seorang ibu bapa mereka memilih untuk masuk Islam.

Sebab itulah, institusi mahkamah syariah perlu diperkasakan supaya nasib golongan yang dinyatakan itu terbela. Kebenaran Islam mungkin terselindung akibat persepsi negatif pihak tertentu yang mahu melihat Islam sebagai satu ancaman.

Hakikatnya, Islam amat menjaga hubungan kekeluargaan meskipun membabitkan ahli keluarga yang masih belum memeluk Islam.



AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

"(Kalaupun mereka menyangka Kami tidak berkuasa mengembalikan mereka hidup semula) maka tidaklah mereka memandang ke langit yang ada di sebelah atas mereka (dengan tidak bertiang) bagaimana Kami membinanya (dengan rapi) serta Kami menghiasinya (dengan bintang-bintang) dan dengan keadaan tidak ada padanya retak-renggang?"

(Surah al-Qaaf, ayat 6)

Terdapat juga dalam kalangan umat Islam salah faham terhadap makna ayat daripada Surah al-Baqarah itu. Apabila mereka lalai melaksanakan tuntutan agama, maka ayat itu digunakan untuk mewajarkan tindakan mereka.

Contohnya, mereka tidak menunaikan solat dan apabila dinasihati, mereka katakan tiada paksaan dalam agama. Itu salah satu fahaman yang menyesatkan.

Apabila mengaku sebagai seorang Muslim, mana mungkin tuntutan agama itu dikatakan sebagai satu bentuk paksaan.

Penulis penyarah
Universiti Sultan
Zainal Abidin (UniSZA),
Terengganu